

Suspek bunuh Dirang didakwa

Oleh Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail

2012/03/27

JOHOR BAHRU: Jiran kepada mangsa bunuh Nurul Nadirah Abdullah, 5, atau Dirang dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini, semalam, atas tuduhan membunuh budak perempuan itu yang mayatnya ditemui dalam keadaan rentung akibat dibakar, awal bulan ini.

Tertuduh, Muidin Maidin, 25, berasal dari Sarawak yang memakai baju lokap oren, berseluar pendek dan berkaki ayam hanya mengangguk tanda memahami tuduhan yang dibacakan terhadapnya sejurus dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya V Mohan, di depan Majistret Mohd Isa Mohamed.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh yang menghadapi tuduhan membunuh Dirang, anak kedua daripada tiga beradik di sebuah ladang sawit di Jalan Suria dekat Bandar Seri Alam, Masai, dekat sini antara jam 11 pagi hingga 7 malam pada 1 Mac lalu.

Muidin seorang buruh kontrak didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum gantung sampai mati jika sabit kesalahan. Mohd Isa menetapkan 4 Mei ini sebutan semula kes sementara menunggu laporan bedah siasat.

Rakan Muidin, Razmin Mosun, 34, yang turut direman berhubung siasatan pembunuhan Dirang dihukum penjara sebulan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas mengaku bersalah terhadap tuduhan memasukkan syabu dalam dirinya.

Dia turut diperintahkan melaporkan diri sebulan sekali di Balai Polis Masai selepas disabitkan kesalahan itu mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Terdahulu, Razmin tiba di pekarangan mahkamah jam 8.40 pagi, diikuti oleh Muidin 15 minit kemudian. Ibu Dirang, Roselyn Alan, 25 dan nenek mangsa, Milnah Jol, 56, serta beberapa ahli keluarga mereka hadir mengikuti prosiding pendakwaan kes terbabit. Meskipun masih diselubungi kesedihan dan marah terhadap jenayah kejam yang dilakukan terhadap mangsa, masing-masing kelihatan tenang dan dapat mengawal perasaan.

Milnah ketika ditemui hairan apabila hanya seorang yang ditahan itu didakwa membunuh Dirang sedangkan tiga suspek itu dipercayai bersubahat mendalangi pembunuhan terbabit.

Sementara itu, seorang suspek wanita masih ditahan yang akan berakhir 30 Mac ini. Setakat ini, belum dapat dipastikan sama ada suspek terbabit akan dibebaskan atau didakwa.